

MENJAGA KESIHATAN KITA



MENINGKATKAN KESIHATAN PENCEGAHAN DAN PENJAGAAN WARGA EMAS



Kemaskinian tentang SG Yang Lebih Sihat

Dilancarkan pada bulan Julai 2023, SG Yang Lebih Sihat merupakan transformasi utama sistem penjagaan kesihatan kita untuk meningkatkan tumpuan pada penjagaan pencegahan. Setakat bulan Februari 2024, seramai 765,000 penduduk telah mendaftar dengan doktor keluarga pilihan mereka dan lebih 1,000 Doktor Swasta (GP) mengambil bahagian dalam SG Yang Lebih Sihat.

Memperkasa penduduk untuk menjalani gaya hidup yang lebih sihat

Di bawah SG Yang Lebih Sihat, penduduk akan sama-sama membangunkan Pelan Kesihatan yang diperibadikan dengan doktor keluarga mereka yang berdaftar. Pelan ini akan dikemaskinikan berdasarkan hasil kesihatan, pilihan penjagaan dan pelan tindakan mereka.

- Lebih banyak saranan gaya hidup yang lebih khusus akan disertakan dalam Pelan Kesihatan dari semasa ke semasa untuk membantu penduduk mencapai matlamat kesihatan mereka.
- Aplikasi 365 Kesihatan akan dipertingkatkan secara berperingkat untuk menyenaraikan rangkaian aktiviti dan program berasaskan masyarakat yang lebih luas oleh Lembaga Penggalakan Kesihatan (HPB), Persatuan Rakyat (PA), Sport Singapore dan Pusat-pusat Penuaan Aktif. Tahap intensiti aktiviti-aktiviti fizikal juga akan ditunjukkan.

Membantu GP menyediakan penjagaan yang berasaskan bukti dan bermutu.

Protokol Penjagaan memberi doktor keluarga panduan berasaskan bukti dan ringkas tentang pengurusan klinikal, cara memastikan penyediaan penjagaan secara konsisten dan diselaraskan, tanpa mengira mana-mana klinik SG Yang Lebih Sihat yang menjadi pilihan penduduk.

- Membangunkan Protokol Penjagaan tambahan untuk penyakit-penyakit kronik di bawah Program Pengurusan Penyakit Kronik.
- Menyediakan sokongan berasaskan pasukan untuk doktor swasta atau GP SG Yang Lebih Sihat melalui Rangkaian Penjagaan Asas mereka bagi meningkatkan kesedaran tentang pemeriksaan dan perubatan pencegahan serta untuk mengurus keadaan kronik dengan lebih baik. Perkhidmatan ini membolehkan para GP yang menjadi ahli untuk mendapat akses kepada sokongan pasukan penjagaan pelbagai disiplin.





Membolehkan warga emas menua dengan sihat

Sihat Menua SG ialah satu program nasional, yang dipelopori bersama Kementerian Kesihatan (MOH), Kementerian Pembangunan Negara (MND) dan Kementerian Pengangkutan, untuk membantu warga emas menua dengan sihat dalam masyarakat.

Menggalakkan penuaan aktif

- Meluaskan rangkaian Pusat Penuaan Aktif (AAC) daripada 157 kepada 220 menjelang tahun 2025, dan meningkatkan mutu program-program yang disediakan.
- Menggalakkan warga emas untuk terus terlibat secara bermakna dengan menjadi sukarelawan di AAC.

Menguatkan sokongan untuk warga emas dengan keperluan penjagaan

- Penjagaan Peribadi Di Rumah Yang Dipertingkat (HPC+), yang diperkenalkan di 11 tempat, merangkumi elemen pemantauan setiap masa dan tindak balas yang menggunakan teknologi untuk mengesan kejatuhan dan insiden lain bagi memastikan bantuan segera untuk warga emas.
- Bekerjasama dengan MND dan Lembaga Perumahan & Pembangunan (HDB) untuk menawarkan lebih banyak pilihan kepada warga emas untuk menjalani hari tua mereka dalam masyarakat melalui Apartmen Penjagaan Masyarakat (CCA), dengan CCA yang pertama di Bukit Batok sedia untuk didiami penduduk menjelang akhir tahun 2024.

Menyediakan penyediaan penjagaan yang lancar

- Meningkatkan penyelarasan secara progresif dengan penyedia penjagaan bagi membolehkan penjagaan yang lebih lancar untuk warga emas dan penjaga mereka mulai separuh kedua tahun 2024.





Memperkukuh sokongan untuk kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak dan keluarga

Memupuk tabiat sihat sejak kecil

- Meningkatkan akses kepada sumber interaktif dalam talian tentang tabiat pemakanan yang baik dan makanan seimbang di sekolah-sekolah melalui Ruang Pembelajaran Pelajar Kementerian Pendidikan (MOE).
- Melancarkan Garis Panduan Memberi Makan dan Makanan untuk Bayi dan Kanak-kanak bagi menyokong pakar penjagaan kesihatan, ibu bapa dan penjaga.

Menawarkan lebih banyak perkhidmatan kesihatan dan keibubapaan dalam masyarakat

- Meningkatkan akses kepada program pendidikan antenatal untuk pasangan di pusat-pusat hubungan masyarakat.
- Melancarkan program perintis Nexsus Keluarga di empat kawasan (Tampines, Choa Chu Kang, Punggol, Sembawang) untuk meningkatkan integrasi perkhidmatan kesihatan dan sosial, serta menyediakan perkhidmatan sehenti kesihatan dan keibubapaan untuk keluarga.





Meningkatkan langkah penguatkuasaan dan pendidikan antivap

MOH akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi pemerintah untuk meningkatkan usaha penguatkuasaan dan pendidikan antivap Seluruh Pemerintah.



- Mengingatkan pemilik platform untuk meningkatkan pengesanan dan penyingkiran jualan serta iklan pengewap elektronik dalam talian.
- Meningkatkan operasi bersama di sempadan untuk membendung kemasukan pengewap elektronik ke Singapura.
- Meningkatkan langkah penguatkuasaan terhadap pemilikan dan penggunaan pengewap elektronik di tempat awam.
- Memperkukuh usaha pengesanan dan penguatkuasaan terhadap perbuatan mengevap di sekolah dan Institut Pengajian Tinggi.
- Meningkatkan kesedaran tentang kemudaratan dan keharaman mengevap.
- Semak hukuman bagi kesalahan berkaitan dengan pengewap elektronik di bawah Akta Tembakau (Kawalan Iklan dan Penjualan) untuk memastikan pencegahan yang berterusan terhadap kesalahan tersebut.

MENYEDIAKAN PENJAGAAN DI LUAR HOSPITAL



Meluaskan kapasiti penjagaan kesihatan

Untuk memenuhi keperluan penduduk kita yang semakin menua, kami akan terus meningkatkan kapasiti hospital kita sebanyak kira-kira **4,000 katil**, memperkenalkan kemudahan-kemudahan penjagaan kesihatan yang baharu dan mengembangkan rangkaian poliklinik kita.

2024

- Hab Penjagaan Bersepadu (ICH) Hospital Tan Tock Seng (TTSH), akan mempunyai kira-kira **600 katil** apabila siap sepenuhnya kelak.
- Woodlands Health akan mempunyai hingga **700 katil** menjelang akhir tahun 2025, dan **1,000 katil** apabila dibuka sepenuhnya.
- Bangunan perubatan kecemasan Hospital Besar Singapura (SGH) akan dibuka pada tahun 2024 dengan kira-kira **150 katil**.
- Pembukaan Poliklinik Khatib menjelang pertengahan tahun 2024.
- Pembukaan Poliklinik Pasir Ris yang dibangunkan semula menjelang akhir tahun 2024.

Selepas 2030

- Hospital Masyarakat dan akut bersepadu yang baharu akan dibina di Bandar Tengah.



2026

- Hospital Besar Sengkang dan Hospital Masyarakat Outram akan meningkatkan kapasiti mereka dengan mengubah suai beberapa ruang bukan klinikal menjadi wad hospital mulai tahun 2026.

2027

- Pembukaan Pusat penjagaan elektif Hospital Besar Singapura dengan **300 katil** menjelang tahun 2027.
- **5 poliklinik** di Bidadari, Kaki Bukit, Serangoon, Tengah dan Yew Tee akan siap dibina menjelang tahun 2027.

2028-2030

- Pembukaan Hospital Alexandra yang dibangunkan semula dan Kampus Hospital Besar Timur yang baharu.
- Pembangunan semula **6 poliklinik** di Bukit Merah, Clementi, Jurong, Outram, Queenstown dan Toa Payoh menjelang tahun 2030.
- **2 poliklinik** di Bishan dan Taman Jurong akan siap dibina menjelang tahun 2030.




Meluaskan khidmat Jagaan Pesakit Mudah Alih (MIC@Home)

Sejak tahun 2022, MOH telah memperkenalkan khidmat Jagaan Pesakit Mudah Alih untuk menawarkan pilihan kepada pesakit yang layak untuk dijaga di rumah mereka sendiri dan bukannya di wad hospital.

Setakat akhir tahun 2023, lebih 2,000 pesakit telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini, yang membawa kepada penjimatan lebih 9,000 hari katil hospital.

- Jagaan Pesakit Mudah Alih akan ditawarkan sebagai sebahagian daripada perkhidmatan hospital awam mulai 1 April 2024.
- Pesakit Jagaan Pesakit Mudah Alih boleh mendapat manfaat daripada subsidi, MediSave, MediShield Hayat, dan Pelan Perlindungan Bersepadu, yang tidak berbeza daripada penginapan di hospital.
- Jagaan Pesakit Mudah Alih boleh menyediakan hingga 300 katil maya pada tahun 2024 untuk mengembangkan kapasiti katil akut di hospital-hospital awam.



Mengalihkan penyediaan penjagaan kesihatan mental kepada persekitaran masyarakat

Menyediakan penjagaan berdasarkan Model Penjagaan Berperingkat

Diumumkan pada bulan Oktober 2023 sebagai sebahagian daripada Strategi Kesihatan Mental dan Kesejahteraan Nasional, Model Penjagaan Berperingkat akan membimbing penyediaan khidmat kesihatan mental. Berdasarkan tahap keterukan gejala kesihatan mental, campur tangan penjagaan yang sesuai boleh disediakan menurut keperluan individu di persekitaran penjagaan yang berbeza.

- Panduan Amalan akan dibangunkan menjelang akhir tahun 2024 untuk membimbing penyedia kesihatan mental menyediakan penjagaan mengikut Model Penjagaan Berperingkat. Ia akan menyetarakan proses triaj, rujukan dan penyelarasan penjagaan merentas penyedia perkhidmatan dalam peringkat yang berbeza untuk memastikan penyampaian penjagaan yang lancar.


Meluaskan kapasiti perkhidmatan kesihatan mental dalam sekitaran penjagaan asas dan masyarakat

- Meluaskan perkhidmatan kesihatan mental kepada semua 32 poliklinik dan semua klinik swasta SG Yang Lebih Sihat menjelang tahun 2030.
- Meningkatkan bilangan Pasukan Mendekati Masyarakat (CREST) dan Pasukan Campur Tangan Masyarakat (COMIT), yang dikendalikan oleh agensi-agensi perkhidmatan sosial, daripada 73 kepada 90 pasukan CREST, dan daripada 29 kepada 50 pasukan COMIT menjelang tahun 2030.
- Meningkatkan kesedaran tentang titik sentuh hentian pertama dalam persekitaran penjagaan masyarakat sebagai tempat utama untuk mengenal pasti keperluan kesihatan mental dan untuk penyediaan perkhidmatan yang sesuai, termasuk maklumat, sokongan kesihatan mental segera atau rujukan.

Meningkatkan kecekapan tenaga kerja untuk menyokong penjagaan berasaskan masyarakat

Rangka Kerja Latihan Kecekapan Kesihatan Mental Nasional telah diperkenalkan untuk meningkatkan keupayaan pengamal merentas pelbagai peringkat penjagaan.

- Kursus-kursus sesuai dengan tugas yang merangkumi latihan Terapi Tingkah Laku Kognitif untuk pelbagai keadaan kesihatan mental biasa akan dibangunkan oleh MOH dan Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga, dengan kerjasama Universiti Nasional Singapura, Universiti Teknologi Nanyang dan Universiti Sains Sosial Singapura. Bermula dari tahun 2024, kira-kira 80 pengamal akan dipertingkatkan kemahiran setiap tahun melalui kursus ini.



MEMPERKUKUH JAMINAN PENJAGAAN KESIHATAN

MOH akan mengkaji semula skim-skim pembiayaan kami untuk memastikan penjagaan kesihatan tetap mudah diakses dan termampu oleh semua.

Memberi jaminan kemampuan penjagaan kesihatan

Majlis MediShield Hayat akan menyemak perkara-perkara yang berikut:

- Menambah had tuntutan MediShield Hayat bagi rawatan pesakit dalam dan pembedahan siang untuk meliputi 9 daripada 10 bil bersubsidi.
- Meluaskan perlindungan MediShield Hayat kepada lebih banyak jenis penjagaan pesakit luar dan di rumah
- Meluaskan perlindungan MediShield Hayat kepada Produk Terapi Sel, Tisu dan Gen

Meningkatkan subsidi di hospital-hospital masyarakat

Hospital-hospital masyarakat menyediakan penjagaan subakut dan pemulihan untuk pesakit selepas mereka keluar dari hospital akut.

- Meluaskan perlindungan subsidi kepada lebih banyak perkhidmatan diagnostik seperti imbasan CT, pada suku keempat tahun 2024, dan kepada ubat-ubatan yang disokong di bawah Dana Bantuan Ubat-Ubatan pada separuh pertama 2025.
- Meningkatkan rangka kerja subsidi hospital masyarakat dengan menyelaraskannya dengan rangka kerja subsidi hospital akut, mulai suku keempat tahun 2024.





MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE

March 2024 | All information in this booklet is accurate at the time of printing.

